

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 12/2023

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

March to October 2023

***Jamāliyyāt al-Lughatt al-‘Arabiyyatt:***  
**Hampir Sama Tetapi Tidak Serupa Siri 1**

***Ditulis oleh: Nur Aini Ariffin***

Bahasa Arab, dengan sejarah dan kekayaan budayanya yang panjang, merupakan salah satu daripada bahasa-bahasa dunia yang memiliki keunikan dan keindahan tersendiri. Keunikan ini tidak hanya terletak pada kekayaan kosa katanya atau pada struktur gramatikalnya, tetapi juga pada sistem sebutan huruf yang sangat khas. Salah satu aspek yang paling menarik adalah kemampuan bahasa Arab untuk menyampaikan makna yang sangat berbeza dengan hanya sedikit perbezaan dalam sebutan huruf.

Terdapat banyak pasangan kata dalam bahasa Arab yang sebutannya mirip tetapi memiliki makna yang berbeza. Fenomena ini sekali gus menggambarkan keindahan dan ketelitian bahasa Arab serta menunjukkan betapa pentingnya aspek sebutan dalam bahasa ini. Justeru, melalui siri *Jamāliyyāt al-Lughatt al-‘Arabiyyatt: Hampir Sama Tetapi Tidak Serupa*, para pembaca akan diperkenalkan dengan beberapa perkataan yang mempunyai sebutan yang hampir serupa namun membawa makna yang berbeza. Lebih istimewa, audio panduan sebutan perkataan turut dimuatkan dalam siri ini.

**Huruf *Hamzatt* (ء) dan ‘*Ayn* (ع)**

**Link QR Code:**

<https://me-gr.com/AFqyPINW>



Dua perkataan di atas berbeza pada huruf pertama sahaja. Selain contoh tersebut, pasangan perkataan berikut turut berbeza pada huruf *hamzatt* (ء) dan ‘*ayn* (ع), iaitu:

1. (bersorak) عَجَّ - (marak) أَجَّ
2. (pekerjaan) عَمَلٌ - (cita-cita) أَمَلٌ
3. (pengajaran) عِبْرَةٌ - (jarum) إِبْرَةٌ

Walaupun mempunyai bunyi yang hampir sama, tetapi akan membawa maksud yang sangat berbeza jika tersalah meletakkan huruf dan sebutan. Huruf *hamzatt* (ء) dibunyikan di hujung kerongkong, bunyinya bersahaja tanpa perlu ditekankan. Sementara itu, huruf ‘*ayn* (ع) berbunyi di tengah kerongkong dengan sedikit penekanan.

Banyak pelajar yang keliru akan cara sebutan kedua-dua huruf ini. Kajian

yang dilakukan oleh Salleh (2003) mendapati bahawa pengaruh daripada bahasa ibunda mempunyai kesan yang boleh dikatakan signifikan ke atas bahasa sasaran. Keadaan ini terutama berlaku bagi huruf-huruf yang hampir serupa bunyinya dengan huruf-huruf dalam bahasa ibunda. Contohnya, huruf 'ayn (ع) dibunyikan dengan huruf *hamzatt* (ء) seperti pada perkataan جَامِئَة.

### Huruf Tā' (ت) dan Tā' (ط)

#### Link QR Code:

<https://me-qr.com/bmCE9rEW>



Pasangan perkataan di atas berbeza pada huruf pertama sahaja. Walaupun mempunyai baris yang sama tetapi akan membawa maksud yang sangat berbeza jika tersalah meletakkan huruf. Contoh perkataan تَيْنٌ dan طِينٌ dalam al-Quran:

{ وَالَّذِينَ وَالَّذِينَ وَالَّذِينَ } [At-Tin: 1]

Maksudnya: Demi (buah) Tin dan (buah) Zaitun.

{ الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ وَبَدَأَ خَلْقَ

{ [As-Sajdah: 7] الْإِنْسَانِ مِنْ طِينٍ

Maksudnya: Yang membuat segala sesuatu yang Dia ciptakan sebaik-baiknya dan Yang memulai penciptaan manusia dari tanah.

Huruf tā' (ت) dan tā' (ط) cara sebutannya sama, iaitu hujung lidah ditemukan dengan pangkal gigi depan bahagian atas. Yang membezakan kedua-dua huruf itu adalah pada sifatnya. Huruf tā' (ت) sifatnya nipis manakala huruf tā' (ط) sifatnya tebal.

Memahami perbezaan ini dengan jelas adalah penting, terutamanya semasa membaca al-Quran, kerana kesilapan dalam sebutan boleh mengubah makna ayat secara total. Contohnya, pada ayat ke-7 surah As-Sajdah, Allah SWT menyebut "مِنْ طِينٍ" yang bermaksud "dari TANAH". Jika seseorang membuat kesalahan dengan huruf (ط) dan menggantikannya dengan huruf (ت), ia akan menjadi "مِنْ تِينٍ" yang bermaksud "dari BUAH TIN", sekali gus mengubah maksud ayat al-Quran tersebut menjadi: "Yang memulai penciptaan manusia dari BUAH TIN".

Antara contoh lain bagi perkataan yang turut berbeza pada huruf *tā'* (ت) dan *tā'* (ط) ialah:

1. (cap mohor) طَابِعٌ - (pengikut) تَابِعٌ
2. (memukul gendang) طَبَّلَ - (meletakkan perasa) تَبَّلَ

### Huruf *Thā'* (ث) dan *Sīn* (س)

**Link QR Code:**

<https://me-qr.com/Y9Owuy0B>



Dua perkataan di atas berbeza pada huruf *thā'* (ث) dan *sīn* (س) sahaja. Contoh lain ialah perkataan (menendang) رَفَسَ - (mengeji) رَفَّتَ.

Huruf *thā'* (ث) dibunyikan dengan cara hujung lidah ditemukan dengan hujung gigi depan bahagian atas, manakala huruf *sīn* (س) dibunyikan dengan cara hujung lidah didekatkan dengan belakang gigi depan bahagian bawah. Selain itu, huruf *sīn* (س) bersifat *safīr*, iaitu sekumpulan huruf yang apabila disebut, ia

seolah-olah bersiul. Oleh itu, adalah penting untuk membaca dengan *makhraj* huruf dan baris yang tepat, supaya tidak menimbulkan makna yang tidak dikehendaki daripada maksud perkataan tersebut.

Kesimpulannya, sistem sebutan huruf yang khas yang dimiliki oleh bahasa Arab menjadi cerminan ketelitian dan keindahan bahasa ini. Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang perbezaan sebutan huruf seperti *hamzatt* (ء) - 'ayn (ع), *tā'* (ت) - *tā'* (ط) dan *thā'* (ث) - *sīn* (س), kita dapat menjaga keaslian makna terutama apabila membaca ayat-ayat suci al-Quran, agar tidak terjadi perubahan makna yang tidak diinginkan.

### Rujukan

al-Quran al-Karim.

Salleh, S. (2003). *Masalah Penguasaan Bahasa Arab Komunikasi di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes* [Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

النحوي ، الخليل. (١٩٩١م). المعجم العربي الميسر. المنظمة العربية للتربية والثقافة والعلوم.